

Bandar

*Bicara
Menteri*
muka 7



PERCUMA 17 - 23 JULAI 2017 • 23 - 29 SYAWAL 1438

BIL: 15



Bantu rakyat miliki rumah

*Agenda
sosial utama
kerajaan*

● Beri subsidi
sebanyak 92%

● B40 hanya bayar
RM35,000

● Konsep sewa beli
RM124 sebulan

muka 2



*Hasrat
penduduk miliki
rumah sendiri
tercapai*
muka 3



*MRT Sungai Buloh-Kajang
jimatkan masa perjalanan*

muka 6



*Pertanian dalam
bandar bantu
rakyat* *muka 4*



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nazirul Ikram Sirozi

Pegawai Komunikasi Strategik

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menerima replika penghargaan penduduk Kampung Tekek di atas kelulusan dewan serbaguna daripada Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Kampung Tekek, Zulkarnain Abdul Hamid dalam Majlis Jamuan Aidilfitri di Dataran Tiong, Pulau Tioman, Pahang, baru-baru ini. Turut kelihatan Menteri Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar (dua dari kiri).

Bantu 116 pembeli rumah PPR Tekek Makmur

Kerajaan beri subsidi 92 peratus

KERAJAAN memberi subsidi sebanyak 92 peratus atau RM395,000 kepada seramai 116 pembeli rumah bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tekek Makmur di Kampung Tekek, Pulau Tioman, Rompin, Pahang, semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, pembeli yang juga golongan berpendapatan rendah (B40) hanya perlu membayar RM35,000 daripada RM403,000 untuk memiliki rumah yang mempunyai tiga bilik dan dua bilik air.

“Uniknya projek perumahan ini dilaksanakan di sebuah pulau dan sukar untuk kita bayangkan segala kemudahan dibawa ke sini.

“Projek ini mencatat sejarah paling tinggi di Malaysia kerana mendapat subsidi paling banyak daripada kerajaan,” katanya ketika berucap Majlis Perasmian PPR Tekek Makmur, Pulau Tioman, Pahang, semalam.

Yang turut hadir Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Ahli Parlimen Rompin, Datuk Hasan Ariffin.

Projek PPR Tekek menyediakan 116 unit rumah kluster setinggi dengan tiga bilik di kawasan seluas 3.288 hektar.

Menurut Najib, kerajaan turut bersetuju memberi konsep sewa dan beli dengan kadar RM124 sebulan kepada 63 pembeli rumah berkenaan yang mempunyai masalah pembiayaan selama setahun.

“Inilah antara keistimewaan projek PPR Tekek Makmur dan ini juga antara agenda sosial utama kerajaan kerana mahu sediakan kualiti kehidupan rakyat luar bandar yang lebih selesa.

“PPR Tekek Makmur ini bernilai RM47 juta mula dibina pada Julai 2012 dan siap sepenuhnya Ogos 2015 dengan turut menyediakan kemudahan padang permainan dan kedai,” jelasnya.

Terdahulu, sempena lawatan kerja di pulau peranginan itu, Najib merasmikan laluan pejalan kaki (boardwalk) sepanjang 310 meter yang menghubungkan Kampung Tekek ke Kampung Air Batang, Pulau Tioman.

Projek yang dibiayai Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan dilaksana oleh Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) itu mula dibina pada tahun 2015 dan siap sepenuhnya Februari lalu.

Sebelum ini, kira-kira 1,000 penduduk di kedua-dua kampung terbabit dan pelancong terpaksa berulang-alik melalui kawasan trek berbukit untuk melakukan urusan harian.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Tekek, Zulkarnain A. Hamid berkata, laluan terbabit turut memberi kemudahan kepada pelajar dari Kampung Air Batang untuk berulang-alik ke sekolah yang terletak di Kampung Tekek.

“Laluan pejalan kaki dan motosikal yang lebarnya 2.4 meter banyak memberi manfaat jika ada berlaku kecemasan dan memudahkan penduduk kampung atau pelancong berbelanja membeli barangan keperluan harian dan menghantar anak ke sekolah.

“Ia juga menjadi mercu tanda baharu pelancongan di Kampung Tekek yang juga pusat pentadbiran di pulau ini,” katanya.



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menandatangani plak ketika merasmikan Projek Perumahan Rakyat Tekek Makmur di Pulau Tioman, Rompin, Pahang, baru-baru ini. Turut kelihatan Menteri Kesejahteraan Bandar dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob (kiri).





PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bertanya sesuatu kepada tuan rumah, Abdullah Jaafar, 56, (duduk, tiga dari kanan) dan keluarga selepas merasmikan Projek Perumahan Rakyat Tekek Makmur di Pulau Tioman, Pahang, baru-baru ini. Turut kelihatan, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar (kiri).

Hasrat penduduk miliki rumah sendiri tercapai

PENDUDUK Kampung Tekek, Pulau Tioman bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Pusat dan negeri berikutan hasrat mereka untuk memiliki rumah sendiri tercapai.

Seorang pembeli, **Abdullah Jaafar**, 56, berkata, dia bersyukur hasrat untuk memiliki rumah sendiri tercapai kerana selama ini hanya menumpang di sebuah chalet milik ibu saudara di Kampung Tekek.

"Alhamdulillah, saya tidak menyangka akan memiliki rumah semewah ini dengan harga yang lebih murah dari pasaran.

"Kerajaan tawarkan RM35,000 secara tunai dan dengan bantuan anak yang berusia 22 tahun, saya dapat membeli rumah ini," katanya kepada pemberita pada majlis perasmian Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tekek Makmur di Kampung Tekek, Pulau Tioman, Rompin, Pahang, oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam.

Bagi Suri rumah, **Nazariah Hamzah**, 32, dia teruja dapat memiliki rumah sendiri selepas menyewa rumah RM400 sebulan di Kampung Tekek, sebelum ini.

"Saya mula berpindah sejak Februari lalu dan memang saya bersama suami, Wan Noraziz Wan Endut dan tiga anak turut seronok ada bilik sendiri.

"Malah, turut disediakan kipas siling di setiap bilik, memang kami beruntung dapat rumah ini kerana lokasinya juga strategik dekat dengan masjid, sekolah dan kedai runcit," katanya.

Projek PPR Tekek menyediakan 116 unit rumah kluster setingkat dengan tiga bilik di kawasan seluas 3.288 hektar.

Projek bernilai RM46.75 juta itu mula dibina pada Julai 2012 dan siap sepenuhnya Ogos 2015 dan turut menyediakan padang permainan dan kedai.



Abdullah Jaafar bersama keluarga di hadapan salah sebuah rumah PPR Tekek Makmur miliknya di Pulau Tioman, Rompin, Pahang, baru-baru ini.

» *Turut disediakan kipas siling di setiap bilik, memang kami beruntung dapat rumah ini kerana lokasinya juga strategik dekat dengan masjid, sekolah dan kedai runcit.*

NAZARIAH HAMZAH
Surirumah



PROJEK Perumahan Rakyat Tekek Makmur di Pulau Tioman yang sudah siap untuk diduduki.

Program Pertanian Bandar inisiatif NBOS

Usaha MOA, KPKT pupuk semangat tani dalam kalangan penduduk bandar



Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek (tiga dari kiri) dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar (tiga dari kanan) melakukan gimik perasmian ketika majlis Pelancaran Program Pertanian Bandar Peringkat Lembah Klang di Sekolah Kebangsaan Taman Nirwana, Ampang, Selangor, baru-baru ini.

Di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), satu program transformasi pertanian diperkenalkan iaitu Program Pertanian Bandar dalam usaha mentransformasi sektor pertanian supaya menjadi sektor lebih moden, dinamik dan kompetitif.

Dengan sokongan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, inisiatif di bawah NBOS ini turut melibatkan semua agensi yang terdapat di dalam dua kementerian berkenaan untuk memupuk semangat tani terutamanya dalam kalangan penduduk bandar.

Sebagai langkah awal bagi menggalakkan penduduk bandar menanam dan mengeluarkan sendiri bahan makanan, pihak kementerian dan NBOS mengambil pendekatan mendekatkan pelajar sekolah dalam sebarang aktiviti pertanian.

Sehubungan itu, Sekolah Kebangsaan Taman Nirwana, Ampang, Selangor telah dipilih sebagai sekolah perintis bagi Program Pertanian Bandar peringkat Lembah Klang.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, inisiatif itu, selain bertujuan memperkenalkan dan mendekatkan pelajar sekolah dalam aktiviti pertanian, ia juga

Pertanian dalam bandar bantu rakyat

PADA masa hadapan kerajaan berpendapat proses penyediaan keperluan pertanian tidak lagi terletak di bahu penduduk yang tinggal di kawasan pedalaman semata-mata, tetapi perlu dipikul bersama oleh mereka yang bermastautin di bandar.

Dalam memastikan impian tersebut menjadi kenyataan, kerjasama erat kini sedang dijalankan antara Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Kementerian Pertanian

dan Industri Asas Tani bagi merangka modul melaksanakan program pertanian dalam bandar.

Inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) itu turut melibatkan semua agensi yang terdapat di dalam dua kementerian berkenaan.

Apa yang menjadi keutamaan kini adalah program berkenaan sahaja bertujuan mengurangkan kos sara hidup rakyat tetapi juga memberi pendapatan tambahan kepada mereka.

Antara skop perbincangan mereka

adalah berkaitan kos permulaan program, keuntungan, pasaran, kakitangan dan bajet yang diperlukan bagi melaksanakannya.

Buat permulaan kementerian merancang untuk membangunkan konsep pertanian berkenaan di kawasan sekolah terlebih dahulu sebagai program perintis sebelum dikembangkan ke kawasan-kawasan lain.

Untuk makluman, konsep pertanian dalam bandar bukanlah perkara baharu bahkan sudah menjadi trend

dalam kalangan negara-negara maju termasuk negara jiran terdekat iaitu Singapura.

Antara negara lain yang sudah melaksanakan konsep pertanian seperti ini adalah Jepun dan Hong Kong.

Masalah kawasan yang terhad termasuk kekurangan kawasan subur memaksa negara-negara terbabit mencari jalan kreatif bagi meningkatkan sumber pertanian mereka dan tidak terlalu berharap kepada bahan-bahan import.



Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang merangka modul melaksanakan program pertanian dalam bandar.

untuk menggalakkan interaksi sosial penjawat awam dan penduduk tempatan dalam pertanian.

"Sebelum kita perkenalkan pertanian bandar kepada komuniti bandar di Lembah Klang lagi bagus kita perkenalkan di peringkat sekolah kerana ia mampu membuka ruang pendidikan kepada para pelajar, khususnya bagi anak bandar yang tidak biasa atau tidak pernah bergiat dengan pertanian.

"Melalui sekolah juga kita dapat menggalakkan interaksi sosial antara penduduk atau ibu bapa pelajar dengan warga sekolah," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Program Pertanian Bandar peringkat Lembah Klang baru-baru ini.

Ahmad Shabery berkata, inisiatif itu mampu menyuntik semangat warga bandar untuk memanfaatkan setiap ruang yang ada untuk bercucuk tanam seperti trend di Tokyo dan Hong Kong.

Sementara itu, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Haji Omar berkata, program itu dapat meningkatkan motivasi penduduk bandar untuk mengurangkan kos sara hidup dan menjadikannya sebagai sumber pendapatan dengan menghasilkan produk makanan sama ada untuk kegunaan sendiri atau untuk dijual.

Namun begitu, ada juga dalam kalangan rakyat mereka menjadikan konsep pertanian dalam bandar sebagai hobi khususnya bagi peminat tanaman dan lanskap-lanskap menghijau.

Melalui konsep pertanian dalam bandar, ruang serta segenap inci tanah yang ada di kawasan bandar akan digunakan sebaik mungkin untuk tanaman disesuaikan dengan keluasan dan keperluan.

Rakyat negara ini boleh menjadikan konsep pertanian dalam bandar sebagai hobi khususnya bagi peminat tanaman dan lanskap-lanskap menghijau.



Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

Apakah status skim pembiayaan deposit pertama dan mohon jasa baik Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menyenaraikan jumlah pemohon mengikut negeri dan mereka yang berumur bawah 40 tahun?

Skim MyDeposit telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 6 April 2016 yang mana permohonan bagi skim ini telah dibuka mulai 7 April 2016 sehingga 30 Jun 2016. Sepanjang tempoh tersebut, sebanyak 6,298 permohonan telah diterima oleh KPKT.

MENTERI JAWAB

Pecahan permohonan mengikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Rumah Baru	Rumah Sekunder	Jumlah
Selangor	924	1,065	1,989
Kuala Lumpur	442	422	864
Pulau Pinang	642	212	854
Johor	327	271	598
Sarawak	291	75	366
Perak	220	129	349
Kedah	150	94	244
Negeri Sembilan	102	110	212
Pahang	149	61	210
Melaka	123	67	190
Sabah	107	51	158
Terengganu	53	40	93
Putrajaya	55	22	77
Kelantan	29	12	41
Perlis	18	6	24
Labuan	12	3	15

Jumlah 3,658 2,640 6,298

Daripada jumlah permohonan yang diterima, berikut adalah pecahan pemohon mengikut umur:

Golongan Umur	Bilangan Pemohon	Bilangan Pemohon bawah 40 tahun
< 21 tahun	10	
21 hingga 30 tahun	4,038	
31 hingga 40 tahun	1,977	6,025
41 hingga 50 tahun	165	-
51 hingga 60 tahun	100	-
> 60 tahun	4	-
Jumlah	6,298	6,025

Sehingga 31 Mac 2017, sebanyak 1,047 pemohon telah menerima insentif Skim MyDeposit dengan jumlah pemberian sebanyak

RM27,836,704.68.

■ Sidang Dewan Negara 19 April 2017





Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menunjukkan nama pintu masuk MRT Stesen Tun Razak Exchange sambil disaksikan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar (empat dari kanan) ketika majlis pelancaran MRT di Kajang, Selangor, baru-baru ini.

MRT Sungai Buloh-Kajang jimatkan masa perjalanan

PELANCARAN Transit Aliran Masa (MRT) Fasa Kedua Sungai Buloh-Kajang memberikan seribu satu manfaat kepada 1.2 juta penduduk di sekitar Lembah Klang apabila mampu menjimatkan masa untuk ke Kuala Lumpur sehingga setengah jam sahaja.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, sebagai sebuah ibu kota, Kuala Lumpur memerlukan satu sistem pengangkutan moden, efisien, boleh dipercayai dan mudah digunakan orang ramai.

"Inilah kriteria yang saya tetapkan kerana kita sedar bahawa bila kita lihat orang ramai di ibu kota lain termasuk di rantau ini, bagaimana keadaan kesesakan lalu lintas yang berlaku sehingga setiap seorang itu terpaksa menghabiskan masa adakala lapan jam, 10 jam setiap hari kerana keadaan lalu lintas yang terlalu sesak.

"Dari Sungai Buloh ke Kajang umpamanya, kalau gunakan bas saya diberitahu memakan masa dua jam setengah, itu kalau nasib baik, keadaan biasa, dua jam setengah sehalu. Kalau pergi balik lima jam. Kalau naik MRT 88 minit sahaja. Jadi dari segi kemudahan tersebut, ia menjimatkan masa, meningkatkan produktiviti, sudah tentu kesan limpahan kepada ekonomi negara kita, moral kita sebagai pekerja, semangat kita untuk bekerja bertambah lebih baik nanti," katanya.

Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang sepanjang 51 kilometer itu merangkumi 31 stesen dengan 19 stesen daripadanya dibina dalam fasa kedua yang mana tujuh stesen tersebut merupa-

Najib menambah, selain menjimatkan masa perjalanan, kos menggunakan MRT jauh lebih rendah berbanding kenderaan persendirian kerana hanya perlu membayar antara RM1.00 hingga RM6.40 manakala bagi pengguna Touch 'n' Go pula antara RM1.00 hingga ke RM5.50.

Katanya, pengguna boleh bertukar dari MRT ke Transit Aliran Ringan (LRT) memandangkan laluan tersebut berintegrasi dengan KTM Komuter dan KTM ETS Sungai Buloh dan Kajang, malah boleh menggunakan laluan pejalan kaki untuk sampai ke KL Sentral sekali gus berpeluang menaiki KLIA Ekspres dan KLIA Transit untuk ke Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan stesen-stesen lain.

"Dari segi limpahan ekonomi, fasa pertama projek MRT telah memberikan 130,000 peluang pekerjaan termasuk 70,000 secara langsung. Bagi para peniaga, setakat ini di 31 stesen, 41 peluang diberikan kepada peniaga dan kita akan tambah lagi pada masa akan datang," katanya.

Dalam pada itu, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, beliau pernah terfikir sama ada Malaysia mampu membina laluan MRT canggih seperti di negara-negara Eropah namun kini ia menjadi kenyataan.

"Dahulu semasa saya masih belajar di London pada awal tahun 80an, saya pernah terfikir mampukah Malaysia membina sistem pengangkutan awam bawah tanah seperti di London tetapi ternyata negara kita boleh membina pengangkutan awam yang terbaik.

tidak langsung dapat memberikan hidup yang lebih sejahtera terutamanya mengurangkan kesesakan lalu lintas, mengurangkan masa bergerak dan yang lebih penting saya percaya ia mampu mengembangkan ekonomi di bandar, malah rakyat Selangor patut rasa bersyukur dan berterima kasih kerana MRT akan memberikan pembangunan ekonomi di Selangor," katanya.

MRT Sungai Buloh - Kajang

SETIAP TREN - 4 GERABAK

- Kapasiti sebanyak **1,200 penumpang** setiap perjalanan.
- Penumpang harian dianggarkan seramai **400,000 orang**.
- Dianggarkan **160,000 kenderaan** dijangka tidak lagi berada di atas jalan raya.
- Mengurangkan **752,000 tan** pelepasan karbon dioksida setiap tahun.
- Bergerak pada frekuensi **3.5 minit** pada waktu puncak.

19 STESEN MRT SBK

Muzium Negara, Pasar Seni, Merdeka, Bukit Bintang, Tun Razak Exchange Centre, Cochrane, Maluri, Taman Pertama, Taman Midah, Taman Mutiara, Taman Connaught, Taman Suntex, Sri Raya, Bandar Tun Hussein Onn, Batu 11 Cheras, Bukit Dukung, Sungai Jernih, Stadium Kajang dan Kajang.



BICARA MENTERI

Ketepikan sentimen politik demi kesejahteraan rakyat

PADA 17 Julai lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melancarkan fasa kedua MRT Sungai Buloh-Kajang. Sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya berasa bangga kerana pelaksanaan projek ini sudah pasti akan memberi manfaat besar kepada penduduk-penduduk di kawasan bandar.

Dengan peruntukan kos keseluruhan berjumlah RM21 bilion, MRT Sungai Buloh-Kajang akan memberi manfaat kepada 1.2 juta rakyat dengan purata 1,200 penumpang sehari. Pelaksanaan projek ini amat mengagumkan kerana selain siap lebih awal daripada jadual sehingga mampu menjimatkan kos sebanyak RM2 bilion, ia juga menggunakan kepakaran tempatan dengan penglibatan 50 peratus syarikat bumiputera yang telah terbukti kemampuannya.

Pelaksanaan projek ini membuktikan kerajaan sentiasa meletakkan kesejahteraan rakyat sebagai matlamat utama dan tidak mendiskriminasi negeri yang dikuasai oleh parti yang tidak sehaluan dengan Kerajaan Pusat.

Bagaimanapun saya berharap

jangan pula Kerajaan Negeri Selangor akan mendabik dada atau cuba menanggung di air keruh dengan menganggap pelaksanaan projek MRT itu merupakan sebahagian perjuangan mereka.

Ia memandangkan projek ini telah diputuskan pembinaannya oleh Kerajaan Pusat pada tahun 2009 dengan matlamat membina jaringan sistem pengangkutan yang efisien di Kuala Lumpur bagi mengatasi kesesakan lalu lintas dengan kos berpatutan untuk rakyat.

Atas sebab itulah, dalam berhadapan isu berkaitan dengan kesejahteraan rakyat, saya sentiasa menegaskan janganlah ia melibatkan sentimen politik. Kerajaan Negeri Selangor perlu belajar daripada ketelusan Kerajaan Pusat dalam hal ini. Apa pun pelaksanaan projek oleh Kerajaan Pusat tidak dilakukan atas sentimen politik tetapi demi memastikan nasib rakyat terbela.

Selain itu, saya juga berpendapat pelaksanaan projek MRT ini membuktikan bahawa Kerajaan Pusat mampu melaksanakannya tanpa perlu melibatkan kos yang terlalu besar, tidak seperti cadangan pembinaan LRT dari KOMTAR ke Bayan lepas oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang

yang menelan belanja RM27 bilion melibatkan jarak tidak sampai 500 meter.

Saya percaya, kalaulah apa yang mahu dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu dilakukan oleh Kerajaan Pusat sudah pasti parti-parti pembangkang akan riuh sekampung. Mereka sudah tentu akan melemparkan pelbagai tohmahan kepada Kerajaan Pusat.

Apa pun saya tidak mahu membuang masa mengulas sikap pembangkang berhubung sebarang projek Kerajaan Pusat dalam memberi kesejahteraan rakyat. Bagi pembangkang, mereka tidak akan memuji komitmen Kerajaan Pusat, apa yang mereka tahu ialah mencari salah sahaja.

Justeru itulah sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, saya akan meneruskan misi membantu rakyat dan mengambil semangat pelaksanaan projek MRT yang dilaksanakan tanpa sentimen politik.

Bagi saya, kalau parti-parti pembangkang ikhlas mahu berjuang untuk rakyat, maka mereka juga perlu menyokong apa juga projek yang bertujuan demi kesejahteraan rakyat. Janganlah berhujah atau

memberi alasan yang bukan-bukan bagi menghalalkan tindakan menghalang projek Kerajaan Pusat di negeri yang mereka perintah.

Saya memahami tindakan itu mungkin kerana sesebuah kerajaan negeri yang diperintah oleh pembangkang tidak mahu rakyat berasa terhutang budi kepada Kerajaan Pusat tetapi wajarkah kesejahteraan rakyat menjadi pertaruhan?

Bagi menutup bicara saya pada kali ini, saya berharap rakyat akan terus mensyukuri dan berterima kasih kepada Kerajaan Pusat yang tidak henti-henti berusaha meningkatkan taraf hidup mereka.

Saya percaya projek MRT yang dilancarkan dan fasa-fasa pelaksanaan projek itu seterusnya akan memberi manfaat besar kepada rakyat khususnya di kawasan bandar. Ia juga membuktikan kerajaan pusat memperlakukan kuasa politik untuk membela nasib mereka, bukannya memperlakukan rakyat untuk mendapat kuasa politik seperti mana dilakukan oleh pembangkang.

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh BELL





Rumah Terbuka UMNO

Tan Sri Noh Omar bergambar bersebelahan cetakan potret beliau semasa menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 16 Julai lalu.



Hidangan sate

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar menikmati juadah sate yang disajikan sempena majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Jabatan Perumahan Negara (JPN) pada 17 Julai lalu.



Selamat bersara

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Dr. Tam Weng Wah menggunakan perakam waktu pada hari terakhir perkhidmatannya yang turut dihadiri Timbalan Menteri KPKT, Datuk Halimah Mohamad Sadique; Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Mohammad Mentek dan Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), Datuk Halimi Abd. Manaf pada 17 Julai lalu.



Rumah Terbuka JPSPN

Tan Sri Noh Omar bersama timbalannya, Datuk Halimah Mohamad Sadique dan Ketua Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Tuan Ismail Mokhtar bergambar bersama sebahagian warga kerja JPSPN pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri JPSPN pada 17 Julai lalu.



Rai tetamu

Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Mohammad Mentek menerima lawatan Delegasi Pejabat Kementerian Kewangan Republik Indonesia ke Malaysia dan berkongsi pengalaman KPKT dalam melaksanakan urusan Enterprise Architecture (EA) pada 19 Julai lalu.



Tabung Kemanusiaan Rohingya

Tan Sri Noh Omar menyerahkan replika cek sumbangan Tabung Kemanusiaan Rohingya daripada Majlis Sukan dan Kebudayaan (Maskab) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) kepada wakil Media Prima Berhad iaitu Ketua Biro Berita Harian Putrajaya, Magendran Rajagopal ketika majlis Rumah Terbuka Aidilfitri JBPM pada 19 Julai lalu.



Anugerah Khas

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak menerima Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2016 (Cemerlang) bersempena dengan Majlis Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan Tahun 2016 yang telah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa di Bangunan Perdana Putra, Jabatan Perdana Menteri pada 17 Julai lalu.



Sumbangan untuk anak yatim

Tan Sri Noh Omar menyampaikan sumbangan Aidilfitri kepada anak-anak yatim pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di Ibu Pejabat JBPM, Putrajaya pada 19 Julai lalu.



Pengguna perlu tahu perundangan elak ditipu

PADA keesokan harinya kira-kira pukul 2 petang, Alan menghubungi Fatimah memohon maaf kerana semalam dia terlibat dalam kemalangan dan dimasukkan ke hospital sebelum dikeluarkan hari ini. Dia juga berjanji akan mengeluarkan pinjaman Fatimah pada pukul 4 petang ini.

Namun, semakan Fatimah mendapati tiada wang dimasukkan dan cuba menghubungi Alan namun tidak berjawab sehinggalah keesokan harinya Alan menghubungi Fatimah lalu memberitahu bahawa pihak pengurusan telah mengeluarkan cek tetapi enggan melepaskan pinjaman dengan alasan gaji tidak mencukupi dan akan membatalkan pinjaman tersebut.

Tetapi Alan memberi harapan bahawa pengurusnya boleh dibeli dengan menyogok wang sebanyak RM5,000. Oleh kerana terdesak untuk mendapatkan wang Fatimah terpedaya dengan desakan Alan.

Bagaikan jatuh ditimpa tangga, wang yang dinanti tidak kunjung tiba namun kali ini lebih teruk apabila cubaan untuk menghubungi Alan menemui jalan buntu selepas panggilan telefon dan mesej yang dihantar tidak berjawab langsung.

Fatimah mengadu perkara tersebut kepada Miss Ong tetapi wanita berbangsa Cina itu menafikan bahawa mengetahui apa-apa transaksi antara Fatimah dan Alan.

Daripada keadaan itu, Fatimah sedar bahawa dia sudah menjadi mangsa penipuan dan mahu membawa perkara tersebut kepada penge-

KISAH BENAR

SIRI DUA

tahuan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Menurut peruntukan perundangan, dalam kes ini tiada sebarang pinjaman sebenar berlaku antara Fatimah dan Alan, di mana Fatimah sebenarnya hanya menjadi mangsa penipuan dan kesalahan yang dilakukan oleh Alan adalah menipu di bawah Kanun Keseksaan.

Di bawah Akta Pemberi Pinjaman Wang 1951 (Pindaan 2011) atau Akta 400, pelesen Pemberi Pinjam Wang (PPW) tidak dibenarkan untuk mengutip apa-apa bentuk bayaran untuk tujuan pemprosesan pinjaman melainkan bayaran-bayaran yang dibenarkan di bawah undang-undang seperti duti setem atau yuran perundangan lain yang sah.

Mengikut peraturan PPW, setiap transaksi pinjaman wang hanya

boleh dilakukan di alamat berdaftar perniagaan yang diluluskan sahaja dan tiada transaksi boleh dilakukan di luar daripada premis termasuklah transaksi melalui telefon atau emel.

Dalam urusan pinjaman juga perlu ada satu perjanjian dengan menggunakan borang perjanjian pinjaman yang ditetapkan di bawah peraturan PPW yang boleh dirujuk sebagai Jadual J bagi pinjaman tunai dan Jadual K bagi pinjaman bercagar.

Isi kandungan perjanjian telah ditetapkan di bawah peraturan dan jika PPW mahu isi kandungan diubah mengikut kesesuaian perniagaan, mereka perlu mendapat kelulusan pendaftar terlebih dahulu.

Dalam hal lain, Fatimah telah menunjukkan sikap tidak ambil peduli tentang integriti iaitu semasa Alan memberitahu pinjamannya meng-

hadapi masalah kerana pengurus mendapati beliau tidak layak untuk meminjam tetapi diberitahu bahawa pengurus tersebut boleh dibeli dengan harga RM5,000 dan Fatimah bersetuju untuk membayar jumlah tersebut.

Pengguna dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan undang-undang dalam urusan mereka seharian dan kesedaran integriti perlu disemai.



Post-mortem Op Raya Bomba 2017

SETIAP tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menjalankan kempen sempena Hari Raya Aidilfitri yang dikenali sebagai Op Raya. Sebanyak 284 buah balai bomba yang terlibat membuat rondaan di Jalan Persekutuan, Jalan Bandaran dan lain-lain jalan sepanjang tempoh Op Raya.

JBPM telah menetapkan tempoh Op Raya dilaksanakan sepanjang dua minggu iaitu 14 hari dan melibatkan keanggotaan seramai 10,400 pegawai pelbagai pangkat dengan 80 peratus pegawai bertugas daripada 13,000 anggota.

Lokasi pemerhatian telah ditetapkan dengan mengambil kira trend kebarangkalian berlaku kemalangan di sesuatu kawasan. Selain itu, JBPM juga telah mengambil kira kesukaran yang bakal dihadapi oleh Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) tertentu untuk sampai ke tempat kejadian dalam masa yang telah ditetapkan atas faktor:

- Kesesakan lalu lintas
- Laluan masuk ke lebuh raya yang jauh daripada balai
- Kawasan jagaan balai yang luas

Sehubungan itu, sebanyak 15 lokasi pemantauan ronda lebuh raya ditempatkan untuk menghadapi sebarang kecemasan di sepanjang lebuh raya di negara ini.

Rondaan dilakukan oleh 284 balai dengan penumpuan kepada 61 laluan Persekutuan dan negeri iaitu:

Terengganu: **1 laluan**

Selangor: **1 laluan**

Perak: **3 laluan**

Melaka: **1 laluan**

Pahang: **2 laluan**

P. Pinang: **1 laluan**

Negeri Sembilan: **2 laluan**

Kedah: **1 laluan**

Johor: **3 laluan**

Kenderaan dan Aset yang terlibat

Rapid Intervention Motorcycle (RIM) bertindak membuat rondaan sepanjang Op Raya di kawasan bandar, pekan iaitu di kawasan yang dikenal pasti mengalami kesesakan lalu lintas 123 buah motosikal di seluruh negara untuk tugas operasi penyelamatan kemalangan jalan raya (RTA) dan pemadaman (sebagai waktu respon di kawasan yang mengalami kesesakan lalu lintas).

- Sebanyak 197 buah Light Fire Rescue Tander (LFRT) dalam keadaan siap siaga sepanjang Op Raya.

- Sebanyak 400 buah Fire Rescue Tander (FRT) dalam keadaan siap siaga sepanjang Op Raya.

- Lain-lain RRV 40 buah; Hazmat Tander 18 buah; tanker 10,000 liter 30 buah; tanker 20,000 liter 100 buah dan jentera Turntable Ladder (TTL) 40 buah.

- Seramai 271 orang dalam Pasukan Khas Taktikal Operasi Penyelamat Malaysia (STORM) diletak dalam keadaan bersiap sedia.


Secara purata, trend jumlah panggilan kecemasan meningkat setiap tahun. Namun pada tahun 2014 merupakan tahun tertinggi JBPM menghadapi kes kecemasan iaitu sebanyak 4,139.

Terdapat penurunan jumlah panggilan kecemasan dihadapi JBPM dalam tempoh Op Raya pada tahun 2016 dan 2017. Pada tahun 2016, sebanyak 3,978 kes dicatatkan manakala pada tahun 2017, jumlah panggilan yang dicatatkan adalah 3,392 iaitu penurunan sebanyak 586 atau 14.73 peratus.

Secara kesimpulannya, analisa statistik panggilan kecemasan sepanjang Op Raya menunjukkan trend yang tidak konsisten namun secara purata meningkat dari tahun ke tahun.

Namun, apabila dilihat secara mendalam didapati bahawa peningkatan tersebut adalah berpunca daripada peningkatan kebakaran terbuka di seluruh negara.

Jumlah Panggilan Kecemasan Sempena Op Raya



Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
http://ikepoh.kpkt.gov.my/

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
http://www.aduansisa.my/

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

Isu premium tanah bina balai bomba di Selangor

Azmin tak faham Perlembagaan Persekutuan – Noh Omar

MENTERI Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali disifatkan sengaja mempolitikkan Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan isu premium yang dikenakan ke atas tapak pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) di Setia Alam dan Bukit Rahman Putra.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, Mohamed Azmin sebenarnya gagal memahami keseluruhan artikel 83(2) perlembagaan tersebut.

Katanya, Mohamed Azmin hanya membaca sebahagian daripada artikel terbabit dan memanipulasikannya sehingga Kerajaan Persekutuan dilihat bersalah dalam isu tersebut.

"Apabila dia baca separuh jalan sahaja, dia dakwa pemberian milikan tanah kepada Kerajaan Persekutuan adalah balasan bayaran premium yang sama banyak mengikut harga pasaran.

"Sedangkan dalam keseluruhan artikel itu menjelaskan tanah yang diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk membina bangunan kerajaan hendaklah dinilai cukai premium pada harga asal iaitu semasa tanah itu diserahkan," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Mohamed Azmin yang mendakwa Kerajaan Negeri Selangor telah memberi diskaun sebanyak 75 peratus daripada nilai pasaran bagi kedua-dua tanah tersebut, malah penilaian harga pasaran bagi tapak BBP Setia Alam didakwa berjumlah RM19.9 juta iaitu bersamaan RM1,700 bagi satu meter persegi, manakala



MENTERI Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar (kiri) meninjau tapak pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) di Setia Alam yang tertangguh sejak 2015 berikutan tindakan Kerajaan Selangor mengenakan premium tanah yang tinggi di Setia Alam. – BERNAMA

harga tanah di Bukit Rahman Putra bernilai RM9.7 juta (RM1, 200 satu meter persegi).

Tambah Noh, sepatutnya tanah sebanyak 2.9 ekar di Setia Alam ketika itu berjumlah kira-kira RM900,000 dan setiap satu meter persegi pula hanya bernilai RM6.70 sahaja.

"Memanglah Azmin kata harga tanah tersebut bernilai RM19 juta dan bila kerajaan negeri beri diskaun, mereka rugi RM22 juta. Tapi kalau ikut perlembagaan dia kena nilai ikut harga asal semasa

pemaju serahkan tanah tersebut kepada kerajaan negeri.

"Sebenarnya kerajaan Selangor tak rugi, tanah itu tanah yang diberikan pemaju kepada Kerajaan Persekutuan untuk dibina BBP dan kerajaan negeri dapat keuntungan melalui cukai premium.

"Jadi tak perlulah dia nak jadi hero dengan beri kenyataan sebegitu, seolah-olah kerajaan negeri membela rakyat. Kenapa sekarang baru nak cakap, kenapa tidak sebelum ini?" katanya.

**ALBUM
BULETIN
BANDAR**



Penjara Pulau Pinang



Stesen Bas Melaka Sentral



Pejabat Koperasi Guru-Guru Kedah



Pelabuhan Klang, Selangor



Taiping, Perak



31 STESEN
TERMASUK 7 STESEN
BAWAH TANAH



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN



NEGARAKU

MRT MENGHUBUNGKAN PENGGUNA DENGAN :

22
TEMPAT
IBADAT

19
SEKOLAH

8
KEMUDAHAN
PENJAGAAN
KESIHATAN

JAJARAN SEPANJANG
51 KM

400,000
PENUMPANG SEHARI

SEMUA STESEN DIREKA DENGAN CIRI-CIRI MESRA OKU :

LIF MESRA
OKU YANG
MEMPUNYAI
INTERKOM

MESEJ
AMARAN
MENGUNAKAN
AUDIO

TACTILE
TIDAK LIGIN
DAN PAPAN
TANDA AMARAN
DI PLATFORM

RUANG
UNTUK
KERUSI RODA
DI DALAM TREN
BERDEKATAN
PINTU

INDUCTION
LOOP DI
PUSAT
PERKHIDMATAN
PELANGGAN

LAMPU
BERKELIP UNTUK
COLONGAN
KURANG UPAYA
PENDENGARAN

MANFAAT KEPADA
1.2 JUTA
RAKYAT MALAYSIA

14 STESEN
DENGAN KEMUDAHAN
“PARK & RIDE”



www.kpkt.gov.my



@kpkt_gov



KPKT Malaysia



KPKT Malaysia



kpkt



KEKERAPAN TREN : SETIAP **3.3 MINIT** PADA WAKTU PUNCAK
KEKERAPAN BAS PENGANTARA : SETIAP **10 - 15 MINIT**



INDEKS SYARIAH MALAYSIA

Satu kaedah untuk mengukur secara saintifik
sejauhmana USAHA KERAJAAN dalam menjalankan
TADBIR URUS negara berdasarkan PRINSIP MAQASID SYARIAH



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

MAQASID SYARIAH ▼
5 PRINSIP MASLAHAH DHARURIYYAH

MENJAGA AGAMA



MENJAGA NYAWA



MENJAGA AKAL



MENJAGA KETURUNAN



MENJAGA HARTA



**KENAPA PERLUNYA
INDEKS SYARIAH
MALAYSIA?**



**Dapat nilai dan tahu tahap *
tadbir urus negara mengikut
garis panduan Maqasid Syariah**

**Dapat kenal pasti ruang-ruang *
untuk penambahbaikan**

untuk info lanjut, layari :
www.kpkt.gov.my

Andik Vermansyah dan Amri Yahyah menjadi penggerak kepada setiap perlawanan termasuk penyerang Francis Forkey Doe untuk menghasilkan gol-gol penting untuk pasukan.



Selangor berhati-hati atur rentak kemenangan

JURULATIH Selangor, P. Maniam kekal mahu memainkan pasukan bola sepak Selangor bermain sebagai satu sepasukan dan kekal fokus untuk mencipta kemenangan demi kemenangan.

Maniam berkata, kemenangan ke atas pasukan Perak pada perlawanan Liga Super dan menewaskan pasukan JDT di Selayang adalah bukti komitmen setiap pemain untuk menuju ke puncak sebagai salah satu pasukan yang mampu menggenggam trofi kemenangan.

"Pemain seperti Andik Vermansyah dan Amri Yahyah menjadi penggerak kepada setiap perlawanan termasuk penyerang Francis Forkey Doe untuk menghasilkan gol-gol penting untuk pasukan.

"Justeru saya tidak mahu bercerita tentang kemenangan demi kemenangan yang dicapai kebelakangan ini. Fokus saya agar pemain bermain sebagai satu pasukan dan tidak tenggelam dengan pujian di luar padang," katanya kepada Buletin KPKT ketika dihubungi di sini baru-baru ini.

Maniam berkata demikian ketika mengulas kejayaan pasukannya mencatat keputusan yang baik semasa bertemu pasukan JDT 18 Julai dan pasukan Perak 11 Julai yang lalu.

Mengulas mengenai perancangan seterusnya, beliau berkata, perlawanan menentang Kelantan pada 22 Julai ini tetap dianggap penting sebagaimana perlawanan lain melibatkan Skuad Gergasi Merah tersebut.

"Pasukan Kelantan adalah pasukan



KEDUDUKAN LIGA SUPER 2017

PASUKAN	P	M	S	K	J	K	MATA
JDT	16	12	3	1	36	12	39
Kedah	16	7	7	2	34	24	28
Pahang	16	8	3	5	35	22	27
Felda	16	7	5	4	26	18	26
SELANGOR	16	6	6	4	23	19	24
Perak	16	6	6	4	23	25	24
T-Team	16	6	4	6	25	31	19
Kelantan	16	6	2	8	27	28	17
PKNS	16	3	6	7	26	30	15
Sarawak	16	3	5	8	16	24	14
Melaka	16	2	6	8	18	36	12
P. Pinang	16	2	3	11	13	33	9

Setakat 23 Julai 2017

yang digeruni dan kita tetap berhati-hati dalam mencatur strategi untuk menentang pasukan tersebut yang sudah pasti ingin menempatkan pasukan mereka di kedudukan terbaik Liga Super.

"Nasihat saya kepada pemain untuk terus bermain sebagai satu unit pengempur yang berkesan kerana hanya kemenangan sahaja yang dapat membuka peluang untuk pasukan mara ke peringkat seterusnya.

"Belum sampai masanya untuk bergembira kerana saingan masih lagi terbuka untuk kesemua

pasukan yang bertanding sama ada untuk Piala Malaysia maupun Liga Super," katanya.



AMRI YAHYAH

Dua atlet paralimpik berpeluang menang Sukan SEA 2017


BERDASARKAN ranking semasa di peringkat Asia Tenggara yang turut melibatkan atlet-atlet normal, dua atlet paralimpik negara iaitu Muhammad Ziyad Zolkefli dan Abdul Latif Romly diyakini berpeluang untuk meraih pingat dalam Sukan SEA 2017 bulan depan.

Pengarah Bahagian Paralimpik Majlis Sukan Negara (MSN), Mohd. Safrushahar Yusoff berkata, walaupun terpaksa bersaing dengan atlet normal namun prestasi semasa mereka tidak kurang hebat daripada atlet-atlet terabit.

Katanya, sebagai contoh, Ziyad berada di tempat kedua di belakang atlet Thailand dengan jurang perbezaan jarak lontaran mereka tidaklah begitu besar.

"Dalam Kejohanan Olahraga Para Dunia di London baru-baru ini, Ziyad melakukan lontaran sejauh 17.29 meter hampir satu meter meningkat berbanding ketika meraih emas dalam Sukan Paralimpik 2016 di Rio de Janeiro, Brazil dengan catatan 16.48 meter.

"Begitu juga dengan Latif, walaupun berada di ranking ketiga Asia Tenggara, kejayaannya melakukan lompatan sejauh 7.37 meter di London sudah tidak jauh bezanya dengan catatan atlet normal terbaik di Asia Tenggara iaitu sekitar 7.45 atau 7.46 meter sahaja," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.



ABDUL LATIF ROMLY

Mohd. Safrushahar berharap, atlet berkenaan dapat meneruskan momentum kejayaan di London ke dalam temasya sukan terbesar di Asia Tenggara itu nanti.

Jelas beliau, pihaknya tidak meletakkan sebarang sasaran untuk mendapatkan pingat emas, namun sokongan padu yang diberikan oleh penyokong tempatan mungkin akan berlaku keajaiban dalam kejohanan itu nanti.

"Mereka berdua memang sudah pun dipilih untuk ke Sukan SEA 2017 iaitu Ziyad dalam acara lontar peluru dan Latif dalam acara lompat jauh. Saya harap dengan beraksi di laman sendiri nanti, Ziyad dan Latif akan lebih bersemangat untuk menyumbang pingat.

"Saya tidak cakap mesti pingat emas tetapi tidak mustahil boleh menjadi pingat emas jika mereka mendapat sokongan padu daripada rakyat Malaysia.

"Saya percaya dalam tempoh sebulan sebelum Sukan SEA, mereka berdua mampu meneruskan momentum kejayaan itu kerana masih berada di tahap moral yang tinggi untuk melakukan yang lebih baik daripada kejohanan para dunia di London dan berbanding atlet normal Asia Tenggara," katanya.



MUHAMMAD ZIYAD ZOLKEFLI



Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar melawat rumah contoh selepas Majlis Ramah Mesra serta lawatan kerja ke tapak projek perumahan Taman Sungai Yu Indah, Kuala Selangor, baru-baru ini.

Kerajaan PKR Selangor salah guna kuasa?

TINDAKAN Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengeluarkan notis pengosongan ke atas pejabat milik Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Pangsapuri Putra Permai, Lembah Subang 1, Petaling Jaya didakwa sebagai satu salah guna kuasa.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, MBPJ tidak berhak untuk mengeluarkan notis itu kerana tanah dan pangsapuri tersebut adalah milik KPKT walaupun pengurusan-nya telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Menurut beliau, tindakan itu juga menunjukkan betapa dangkal dan ceteknya pemikiran Kerajaan PKR Selangor yang sanggup menyusahkan rakyat demi kepentingan politik sendiri.

"Di pangsapuri itu ada lebih 200 unit rumah yang kosong, kita (KPKT) hanya mahu buat pejabat di satu daripada unit yang kosong itu untuk kemudahan penghuni di sana.

"Kalau betul tidak boleh buat, kenapa MBPJ buat pejabat di bangunan pangsapuri itu. Saya percaya notis ini dikeluarkan atas arahan pi-

hak tertentu dan ini menunjukkan kerajaan negeri salah guna kuasa," dakwanya kepada pemberita selepas Majlis Ramah Mesra serta lawatan kerja ke tapak projek perumahan Taman Sungai Yu Indah, Kuala Selangor, baru-baru ini.

MBPJ pada 17 Julai lalu mengeluarkan satu notis di bawah Seksyen 72 (6) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 yang mengarahkan KPKT mengosongkan unit 122, Blok D, Pangsapuri Putra Permai, Lembah Subang 1, Petaling Jaya.

Menurut notis itu, MBPJ boleh mengambil tindakan perobahan jika KPKT gagal mengosongkan premis itu dalam tempoh 30 hari dari tarikh arahan itu dikeluarkan.

Mengulas lanjut, Noh menegaskan pihaknya tidak akan mengosongkan pejabat itu dan bersedia untuk berdepan di mahkamah.

"Lebih menghairankan kenapa notis itu diserahkan setelah hampir tujuh bulan pejabat itu beroperasi?, kenapa tidak diserahkan ketika ubah suai dilakukan?

"Kita (KPKT) tidak akan keluar, Jumpa di mahkamah," tegas Noh.



Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar menyerahkan lesen pemajuan perumahan kepada Pengarah Serambi Padu Sdn. Bhd., Datuk Wong Wei Kheong (dua dari kiri) pada Majlis Ramah Mesra serta lawatan kerja ke tapak Projek Taman Sungai Yu Indah, Kuala Selangor, baru-baru ini.



Azmin tak faham Perlembagaan
Persekutuan - Noh Omar *muka 12*

Buletin



NEGARAKU

Bandar

17 - 23 JULAI 2017 • 23 - 29 SYAWAL 1438

Salah guna kuasa?

"Di pangsapuri itu ada lebih 200 unit rumah yang kosong, kita (KPKT) hanya mahu buat pejabat di satu daripada unit yang kosong itu untuk kemudahan penghuni di sana. Kalau betul tidak boleh buat, kenapa MBPJ buat pejabat di bangunan pangsapuri itu. Saya percaya notis ini dikeluarkan atas arahan pihak tertentu dan ini menunjukkan kerajaan negeri salah guna kuasa."

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan


**Tindakan
MBPJ
keluarkan notis
pengosongan
ke atas pejabat
milik KPKT**

muka 15



Pengguna
perlu tahu
perundangan
elak ditipu

muka 10



Dua atlet
paralimpik
berpeluang
menang Sukan
SEA 2017

muka 14